

## JAHAT SANGKA

Orang yang hendak selamat dan hendak menjauhkan

dirinya dari sangkaan jahat, harus ia menjauhkan segala perbuatan, tingkah laku dan pergaulan yang membawa kepada sangkaan jahat.

Perbuatan yang membawa kepada sangkaan jahat itu banyak.

orang lelaki yang berkhawat dengan seorang perempuan yang bukan muhrimnya itu boleh menimbulkan sangkaan jahat. Tidak boleh ia salahkan orang, kalau dia disangka berbuat jahat, kerana lakunya sendiri itu memang menimbulkan sangkaan jahat.

Orang-orang yang berada di tempat maksiat, di tempat judi,

di tempat minuman keras, di tempat pelacuran, juga boleh menimbulkan sangkaan jahat, walaupun ia tidak melakukan maksiat, tidak minum arak, tidak melakukan pelacuran itu, kerana tempat-tempat itu tempat tohmah, sangkaan jahat namanya. Ia tidak boleh salahkan orang-orang, kalau dia disangka melakukan kejahanan-kejahanan itu.

Oleh kerana itulah baginda 'Ali berkata: "Barangsiapa mencampakkan dirinya di tempat-tempat sangkaan jahat, maka janganlah ia sesalkan orang yang menyangka jahat kepadanya."

## BUKU-BUKU BAHARU

(1) "Tafsir al-Rawi" (Juzuk Amma) penggal yang pertama

Tebalnya 110 muka disusun oleh al-Fadil "Ibn 'Abd Allah Al-Rawi".

Kitab tafsir ini sangat-sangat berguna kepada orang-orang Islam yang faham akan makna "surah-surah" yang dibaca di dalam sembahyang. Susunannya terang dan keterangannya mudah difaham.

(2) Buku "Pendidikan Rumahtangga" oleh Tuan Amir Taat Nasution – Medan, tebalnya 65 muka.

Nama buku ini telah menjelaskan kandungannya. Sangat elok kepada sekalian ibu bapa yang gemar menjadikan anak-anak mereka seorang manusia yang berguna di dalam masyarakat.

Kedua-duanya diterbitkan oleh "The United Press" - Penang. Atas hadiahnya ini diucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Saya telah menunjuk kepada baju gamisnya dan berkata:  
"Orang ramai becok menyebut perihal tuan naik mahkamah menjalankan urusan peguam dengan hanya memakai baju gamis, pada hal undang-undang kehakiman memandang perbuatan yang demikian tidak layak bagi seseorang peguam." Ia telah bangun berdiri lalu berkata dengan berang:

"Undang-undang tidak memaksa seseorang peguam memakai pakaian yang tertentu pada ketika ia menjalankan urusan di mahkamah!  
... Apa ada kena mengena undang-undang kehakiman dengan pakaian? Dia menghendaki daripada kita keterangan-keterangan dan alasan-alasan yang makkul bukannya sikap yang lawa atau pakaian! Baju gamis lebih elok daripada potongan Barat (Kot Pantolon – P)  
dan akan tiba hari yang di dalamnya baju gamis itu akan menjadi pakaian Mesir yang rasmi, sebagaimana Kot Pantolon akan menjadi pakaian Eropah yang rasmi ...  
bagaimana kita hendak meniru pakaian orang-orang Eropah, pada hal tiap-tiap suatu umat ada mempunyai pakaian yang sesuai dengannya?"

Akhirnya saya dan rakan saya tukang gambar telah bangun lalu meminta diri hendak pulang, ia pun bangun lalu menahan berteriak-teriak supaya kami makan tengahari di rumahnya, tetapi kami telah bersusah payah meminta diri dengan mengatakan takut terlepas keretapi, sehingga dia berkata: "Kalau tuan-tuan berdua naik keretapi ini maka tuan-tuan akan balik sekali lagi ke rumah saya seketika kemudian ... keretapi akan rosak sesudah lima minit sahaja ia meninggalkan tempat perhentian!"

Kami telah keluar dari situ, lalu menaiki keretapi ... dan tinggal kami menunggu akan mukjizat "Nabi Baharu" itu berlaku, tetapi keretapi itu tidak mendapat apa-apa kerosakan, meskipun pada biasanya dia sentiasa membuat fasal dan terhenti di pertengahan jalan!